

14/04/1997

Rasuah: KDN awasi dua agensi

TELUK INTAN, Ahad - Kementerian Dalam Negeri (KDN) menugaskan pengintip untuk mengawasi Jabatan Polis dan Imigresen yang dikatakan antara agensi kerajaan yang mencatat kes rasuah paling tinggi, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Menurutnya, kegiatan rasuah itu bukan sahaja membabitkan golongan atasan, malah turut membabitkan kakitangan berpangkat rendah, termasuk pembantu pejabat.

"Pengintip khas itu akan melaporkan kakitangan yang terbabit dalam kegiatan rasuah kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk siasatan lanjut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Deklarasi Pemuda Teluk Intan 97 di Padang Majlis Bandaran Teluk Intan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya amat prihatin terhadap gejala rasuah terutama membabitkan jabatan kerajaan serta kepentingan orang awam.

Menurut Megat Junid, perangkaan yang dikeluarkan sebuah badan dunia menunjukkan, Malaysia menduduki tangga ke-26 dalam kegiatan rasuah di seluruh dunia berbanding Amerika Syarikat di tempat ke-15.

Katanya, gejala rasuah juga dianggap sebagai satu masalah sosial yang diambil berat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak boleh membiarkan gejala itu terus merebak jika ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini pihaknya tidak mempunyai perangkaan yang tepat mengenai jumlah sebenar kegiatan rasuah di kalangan kakitangan kerajaan.

"Kakitangan yang ramai terbabit dalam kegiatan itu adalah mereka yang berurusan dengan orang awam. Kita tidak tahu bilangannya dan setiap tahun pihak berkuasa mengenakan tindakan tegas ke atas mereka yang terbabit," katanya.

(END)